

05/09/2003

Akta dipinda beri wanita waktu kerja anjal

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan meminda Akta Pekerjaan 1955 bagi memasukkan peraturan kerja baru dan lebih anjal bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pindaan itu termasuk memasukkan peraturan tele kerja, kerja separuh masa dan perkongsian kerja bagi membolehkan wanita menggabungkan kerjaya dan tanggungjawab rumah tangga.

Katanya, kerajaan juga sedang mengambil pelbagai langkah untuk memastikan peningkatan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

"Kerajaan juga menggembelng sumber sedia ada bagi menambah bekalan buruh dan menyumbang ke arah peningkatan pengeluaran negara," katanya dalam jawapan bertulis kepada Chew Mei Fun (BN-Petaling Jaya Utara) pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

Dr Mahathir berkata, kerajaan menggalakkan sektor swasta memperkenalkan kemudahan sokongan perkhidmatan yang diperlukan pekerja wanita bagi menarik golongan itu bekerja.

"Sektor swasta adalah majikan terbesar di negara ini, oleh itu penyediaan kemudahan seperti pusat penjagaan kanak-kanak, perumahan dan pengangkutan akan menggalakkan wanita bekerja," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, penyertaan tenaga buruh wanita secara relatifnya rendah, namun jumlahnya kini semakin meningkat iaitu daripada 43.5 peratus pada 1995 kepada 45.7 peratus pada tahun lalu.

Katanya, peratusan guna tenaga wanita dalam sektor ekonomi juga mencatatkan peningkatan daripada 33.9 peratus pada 1995 kepada 34.8 peratus tahun lalu.

"Penyertaan wanita dalam sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan juga meningkat daripada 39.9 peratus kepada 43.7 peratus bagi tempoh yang sama.

"Pembabitan wanita dalam sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan pula menurun daripada 28.6 peratus kepada 27.8 peratus dalam tempoh yang sama," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata dalam tempoh 2000 hingga 2001, guna tenaga wanita mengikut pekerjaan mencatat peningkatan dalam pekerjaan yang berpendapatan tinggi.

"Peratusan guna tenaga wanita dalam sektor pekerjaan penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus meningkat daripada 5 peratus kepada 5.3 peratus.

"Di samping itu, dalam kategori pekerja perkhidmatan, pekerja kedai dan jurujual, guna tenaga wanita meningkat daripada 13.3 peratus hingga 17.1 peratus dalam tempoh sama," katanya.